




AKIDAH: ASMA'UL HUSNA BAHAGIAN 2

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Mengenali dan Menghafaz 99 nama Allah SWT:** Peserta dapat menyebut dan mengingat kesemua 99 Asma'ul Husna dengan tepat berserta maknanya masing-masing.
- b) **Menghayati kesempurnaan dan keagungan Allah SWT:** Peserta mampu menjelaskan maksud di sebalik setiap nama Allah dan memahami sifat Allah SWT yang terkandung dalam nama-nama tersebut serta mengambil pengajaran daripada Asma'ul Husna dengan menyedari keagungan, kebesaran dan kesempurnaan Allah SWT.
- c) **Mengamalkan nilai-nilai daripada pembelajaran nama-nama Allah:** Peserta mempraktikkan nilai-nilai pada nama-nama Allah dalam kehidupan harian dengan meneladani sifat-sifat mulia pada tahap yang sesuai bagi manusia serta memperbanyakkan doa dan zikir menyeru Allah SWT melalui Asma'ul Husna.

SESI PERTAMA

NAMA-NAMA ALLAH 34-38

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asmaul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 34 hingga 38.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-'Azim (العظيم) – Maha Agung
- Al-Ghafur (الغفور) – Maha Pengampun
- Asy-Syakur (الشكور) – Maha Menggandakan Balasan
- Al-'Aliyy (العلي) – Maha Tinggi
- Al-Kabir (الكبير) – Maha Besar

SESI PERTAMA: NAMA-NAMA ALLAH 34-38

34. Al-'Azim (العظيم) – Maha Agung

Nama al-'Azim menunjukkan keagungan dan kebesaran Allah yang mutlak. Kebesaran ini tidak dapat dicapai oleh akal, tidak mampu dihitung oleh makhluk, dan tidak dapat dibandingkan dengan apa pun. Segala sesuatu yang dianggap besar di sisi manusia menjadi kecil di hadapan keagungan Allah.

Kata Imam al-Ghazali, *“Setiap kebesaran selain Allah ‘Azzawajalla adalah kebesaran yang tidak sempurna dan bukan kebesaran mutlak kerana ia hanya terserlah secara relatif, besar berbanding sesuatu dan tidak pada yang lain. Adapun kebesaran Allah Taala, Dialah Yang Maha Agung secara mutlak, bukan secara perbandingan.”*¹

Allah SWT berfirman:

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ

Maksudnya: *“Oleh itu, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Besar.”*

(Surah al-Waqi'ah 56: 96)

Nama al-'Azim menanam rasa pengagungan yang mendalam dalam hati seorang Mukmin. Ia mendorong manusia merendah diri kerana kebesaran hakiki hanyalah milik Allah SWT.

¹ *Al-Maqsd al-Asna fi Sharh Ma'ani Asma' al-Husna*, hlm. 61.

35. Al-Ghafur (الغفور) – Maha Pengampun

Nama al-Ghafur menunjukkan keluasan keampunan Allah SWT terhadap dosa-dosa hamba-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, *“Ia membawa makna yang sama dengan al-Ghaffar, namun mengandungi bentuk penegasan dan penekanan yang berbeza.*

Sesungguhnya al-Ghaffar menunjukkan makna pengampunan yang berulang-ulang kali, pengampunan demi pengampunan. Wazan fa‘al (غَفَّار) memberi isyarat kepada banyaknya perbuatan dan kekerapan tindakan.

Adapun wazan fa‘ul (غَفُور) pula memberi isyarat kepada mutu, kesempurnaan dan keluasan sesuatu perbuatan. Maka, Allah bersifat Ghafur dengan makna bahawa pengampunan-Nya sempurna dan lengkap, mencapai setinggi-tinggi darjat pengampunan.”²

Allah SWT berfirman:

وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ

Maksudnya: *“Dan Tuhanmu Maha Pengampun, lagi melimpah-limpah rahmat-Nya.”*

(Surah al-Kahf 18: 58)

Nama al-Ghafur mendidik seorang Mukmin agar tidak berputus asa daripada rahmat Allah SWT, namun pada masa yang sama tidak meremehkan dosa kerana keampunan itu datang bersama taubat yang memenuhi syaratnya.

² *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 105.

36. Asy-Syakur (الشكور) – Maha Menggandakan Balasan

Nama asy-Syakur menunjukkan bahawa Allah menghargai amal hamba-Nya dan membalasnya dengan ganjaran yang besar walaupun amal itu sedikit. Allah melipatgandakan pahala dengan kemurahan-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, *“Jika engkau melihat kepada makna pertambahan dalam pembalasan, maka tiada yang layak dinamakan asy-Syakur secara mutlak melainkan Allah ‘Azzawajalla. Hal ini demikian kerana pertambahan balasan-Nya tidak terhitung dan tidak terbatas. Sesungguhnya nikmat syurga itu tiada penghujungnya.”*³

Allah berfirman:

إِنْ تُقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُّضْعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ

Maksudnya: *“Dan kalau kamu memberi pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas), nescaya Allah akan melipatgandakan balasan-Nya kepada kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu; dan Allah amat memberi penghargaan dan balasan kepada golongan yang berbuat baik, lagi Maha Penyabar (untuk memberi peluang kepada golongan yang bersalah supaya bertaubat).”*

(Surah at-Taghabun 64: 17)

Nama asy-Syakur mendidik manusia agar tidak meremehkan kebaikan walaupun kecil kerana Allah Maha Menghargai.

37. Al-'Aliyy (العلي) – Maha Tinggi

Nama al-'Aliyy menunjukkan ketinggian Allah yang mutlak. Ketinggian ini melampaui segala sesuatu dan tidak dapat disamakan dengan makhluk.

Kata Imam al-Ghazali, *“Seorang hamba tidak mungkin mencapai ketinggian mutlak kerana setiap darjat yang dicapainya tetap ada yang lebih tinggi daripadanya, iaitu darjat para nabi dan malaikat. Ya, mungkin seseorang mencapai darjat tertinggi dalam kalangan manusia seperti darjat Nabi kita Muhammad SAW, namun ia tetap bukan ketinggian mutlak.”*⁴

Allah SWT berfirman:

وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Maksudnya: “Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya).”

(Surah al-Baqarah 2: 255)

Nama al-'Aliyy menanam rasa tunduk dan rendah diri dalam hati manusia kerana ketinggian yang hakiki dan mutlak hanyalah Allah.

38. Al-Kabir (الكبير) – Maha Besar

Nama al-Kabir menunjukkan kebesaran Allah yang melampaui segala sesuatu. Allahlah Tuhan yang memiliki kebesaran dan keagungan mutlak.

Menurut Imam al-Ghazali, kebesaran di sini merujuk kepada kesempurnaan zat, merujuk kepada kesempurnaan yang wujud, yang ia kembali kepada dua perkara:

1. Kekal tanpa permulaan dan tanpa pengakhiran

Jika sesuatu yang panjang tempoh kewujudannya tetapi tetap terbatas itu dinamakan besar (seperti dipanggil manusia itu besar), maka yang kekal azali dan abadi, lebih layak dinamakan al-Kabir, Yang Maha Besar.

2. Wujudnya menjadi sumber segala kewujudan.

Jika sesuatu yang sempurna wujudnya pada dirinya sendiri sudah dianggap sempurna dan besar, maka yang menjadi sebab terhasilnya kewujudan seluruh makhluk lebih utama lagi untuk disebut sempurna dan besar.⁵

Allah berfirman:

عِلْمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرِ الْمُتَعَالِ

Maksudnya: “Dialah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah jua Yang Maha Besar, lagi Maha Tinggi (yang mengatasi segala-galanya).”

(Surah ar-Ra'd 13: 9)

Nama al-Kabir mendidik seorang Mukmin agar sentiasa mengagungkan Allah dan menjauhi sifat membesar diri.

SESI KEDUA

NAMA-NAMA ALLAH 39 - 44

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 39 hingga 44.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Hafiz (الحفيظ) – Maha Memelihara
- Al-Muqit (المقيت) – Maha Pemberi Kecukupan
- Al-Hasib (الحسيب) – Maha Menghisab dan Mencukupi
- Al-Jalil (الجليل) – Maha Memiliki Sifat Keagungan
- Al-Karim (الكريم) – Maha Mulia dan Sedia Memberi
- Ar-Raqib (الراقيب) – Maha Mengawasi

SESI KEDUA: NAMA-NAMA ALLAH 39-44

39. Al-Hafiz (الحفيظ) – Maha Memelihara

Nama al-Hafiz menunjukkan bahawa Allah Maha Memelihara dan menjaga segala sesuatu daripada kerosakan, kehilangan dan kebinasaan. Pemeliharaan Allah meliputi makhluk, rezeki, amal, mahupun agama hamba-hamba-Nya. Tiada sesuatu pun yang terlepas daripada penjagaan-Nya dan tiada satu pun yang binasa melainkan dengan ketetapan-Nya.

Kata al-Khattabi, *“Dia memelihara langit dan bumi serta segala yang ada di dalamnya agar kekal sepanjang tempoh yang telah ditetapkan bagi kewujudannya, tidak lenyap dan tidak musnah.”*⁶

Allah SWT berfirman:

إِنَّ رَبِّي عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَفِيزٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengawal dan Pemelihara tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Hud 11: 57)

Nama al-Hafiz menanam keyakinan bahawa penjagaan hakiki datang daripada Allah. Ia juga mengajar seorang Mukmin agar memohon perlindungan Allah dalam setiap keadaan.

40. Al-Muqit (المقيت) – Maha Pemberi Kecukupan

Nama al-Muqit merujuk kepada Allah Yang Maha Kuasa serta Pemberi kekuatan dan pemelihara kehidupan makhluk melalui rezeki dan kemampuan. Allah tidak sekadar memberi rezeki, bahkan memastikan kecukupan dan kelangsungan hidup serta kekuatan makhluk-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Muqit bermaksud Pencipta segala makanan (qut) dan yang menyampaikannya kepada badan, iaitu makanan zahir serta kepada hati, iaitu makrifah. Maka, ia hampir dengan makna ar-Razzaq, namun lebih khusus daripadanya kerana rezeki merangkumi qut dan selain qut, sedangkan qut ialah sesuatu yang mencukupi untuk menegakkan dan memelihara kehidupan badan.*

Atau maknanya juga ialah Yang Menguasai sesuatu dan Maha Berkuasa atasnya. Penguasaan itu berlaku dengan ilmu dan kekuasaan.”⁷

Allah SWT berfirman:

وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقِيتًا

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Nisa’ 4: 85)

Nama al-Muqit mendidik manusia agar menyedari bahawa kekuatan dan kecukupan fizikal dan spiritual semuanya datang daripada Allah SWT.

41. Al-Hasib (الحسيب) – Maha Menghisab dan Mencukupi

Nama al-Hasib menunjukkan bahawa Allah Maha Menghitung, Menghisab dan Mencukupi buat hamba-hamba-Nya. Allah SWT mengira setiap amal hamba-Nya dengan ketelitian yang sempurna dan Dia juga mencukupi keperluan hamba yang bergantung kepada-Nya.

Imam al-Ghazali menghuraikan, *“Al-Hasib bermaksud yang mencukupi, iaitu yang sesiapa memilikinya maka Dia mencukupinya. Allah SWT adalah yang mencukupi bagi setiap sesuatu dan mencukupkannya, dan ini adalah sifat yang tidak dapat dibayangkan hakikatnya pada selain-Nya.”*⁸

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Hasib juga membawa makna yang menghitung (menghisab).”*⁹

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah an-Nisa’ 4: 6)

Nama al-Hasib menanam kesedaran bahawa setiap amal akan dihitung dengan adil dan bahawa Allah SWT mencukupi bagi hamba-hamba-Nya.

42. Al-Jalil (الجليل) – Maha Memiliki Sifat Keagungan

Nama al-Jalil menunjukkan keagungan dan kemuliaan Allah yang mengatasi segala sesuatu. Keagungan ini melahirkan rasa hormat, takut dan pengagungan dalam hati hamba.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Jalil berasal daripada al-jalal dan al-‘azamah (keagungan). Maknanya kembali kepada keagungan kekuasaan dan kebesaran kedudukan. Dialah al-Jalil yang di sisi-Nya menjadi kecil setiap yang dianggap besar dan menjadi rendah setiap yang tinggi.”*¹⁰

Allah berfirman:

تَبَرَّكَ اسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: *“Maha Sucilah nama Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.”*

(Surah ar-Rahman 55: 78)

Nama al-Jalil mendidik manusia agar sentiasa mengagungkan Allah dalam hati dan lisan.

43. Al-Karim (الكريم) – Maha Mulia dan Sedia Memberi

Nama al-Karim menunjukkan bahawa Allah Maha Mulia dan Maha Pemurah. Kemuliaan-Nya terserlah dalam pemberian, pengampunan dan layanan-Nya terhadap hamba-hamba-Nya walaupun hamba-hamba-Nya ini sering tergelincir dan melakukan kesalahan.

Imam al-Ghazali menjelaskan *“Al-Karim adalah apabila berkuasa, Dia memaafkan, apabila berjanji, Dia menepati, apabila memberi, Dia menambah melebihi batas harapan, dan tidak mpedulikan berapa banyak yang diberi serta kepada siapa diberi. Jika suatu keperluan diangkat kepada selain-Nya, Dia tidak meredainya. Jika diabaikan (hak-Nya), Dia menegur tetapi tidak melampau. Dia tidak menyia-nyiakan sesiapa yang berlindung dan bersandar harapan kepada-Nya, dan dia mencukupkannya tanpa memerlukan perantaraan atau syafaat. Yang terhimpun pada-Nya semua sifat ini tanpa sebarang paksaan, Dialah al-Karim secara mutlak, dan itu hanyalah bagi Allah SWT semata-mata.”*¹¹

Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ

Maksudnya: *“Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu - (berlaku derhaka) kepada Tuhanmu yang Maha Pemurah?”*

(Surah al-Infitar 82: 6)

Nama al-Karim menanam rasa cinta dan harap kepada Allah SWT serta mendorong manusia untuk bersikap mulia dan pemurah terhadap sesama manusia.

44. Ar-Raqib (الرقيب) – Maha Mengawasi

Nama Ar-Raqib menunjukkan bahawa Allah sentiasa mengawasi dan memerhati segala sesuatu tanpa lalai dan tanpa terlepas walau sesaat. Pengawasan Allah meliputi perbuatan zahir dan batin serta gerak hati yang tersembunyi. Tiada sesuatu pun yang berlaku di alam ini melainkan dalam pemerhatian-Nya.

Imam al-Ghazali menjelaskan, *“Ar-Raqib adalah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Memelihara. Yang menjaga sesuatu sehingga tidak lalai daripadanya serta memerhatikannya dengan pemerhatian yang berterusan dan tetap, suatu pemerhatian yang jika diketahui oleh pihak yang dilarang daripadanya nescaya pihak tersebut tidak akan berani melakukannya, maka dia dinamakan sebagai ‘raqib’. Seakan-akan maknanya kembali kepada ilmu dan pemeliharaan tetapi dengan pertimbangan bahawa ia bersifat berterusan dan tetap terhadap sesuatu yang dijaga dan dihalang daripada pihak yang cuba mengambilnya.”*¹²

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”

(Surah al-Nisa’ 4: 1)

Nama ar-Raqib membentuk rasa *muraqabah* yang mendalam dalam diri seorang Mukmin, iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi, lalu mendorongnya menjaga amal dan niat.

SESI KETIGA

NAMA-NAMA ALLAH 45 - 49

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 45 hingga 49.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Mujib (المجيب) – Maha Memakbulkan
- Al-Wasi' (الواسع) – Maha Luas
- Al-Hakim (الحكيم) – Maha Bijaksana
- Al-Wadud (الودود) – Maha Mengasihi
- Al-Majid (المجيد) – Maha Mulia lagi Terpuji

SESI KETIGA: NAMA-NAMA ALLAH 45 - 49

45. Al-Mujib (المجيب) – Maha Memakbulkan

Nama al-Mujib menunjukkan bahawa Allah Maha Memakbulkan doa dan permintaan hamba-Nya. Setiap doa didengar dan diberikan jawapan menurut hikmah-Nya, sama ada dalam bentuk pemberian yang diminta atau digantikan dengan sesuatu yang sesuai dengan hikmah-Nya yang mendalam.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Mujib adalah yang memenuhi permintaan orang yang meminta dengan pertolongan, memenuhi doa orang yang berdoa dengan jawapan, dan memenuhi keperluan orang yang terdesak dengan kecukupan. Bahkan Dia mengurniakan nikmat sebelum dipanggil dan memberikan kebaikan sebelum diminta. Dan yang demikian itu hanyalah bagi Allah ‘Azzawajalla kerana Dia mengetahui keperluan orang yang berhajat sebelum mereka meminta dan Dia telah mengetahuinya sejak azali, lalu Dia mengatur sebab-sebab bagi mencukupkan segala keperluan dengan menciptakan makanan dan rezeki serta memudahkan sebab dan alat yang menyampaikan kepada segala keperluan.”*¹³

Allah berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: *“Dan Tuhan kamu berfirman, ‘Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.’”*

(Surah Ghafir 40: 60)

Nama al-Mujib menanam keyakinan bahawa doa seorang hamba tidak pernah sia-sia dan bahawa hubungan seorang hamba dengan Allah sentiasa terbuka dan tersedia tanpa sebarang batasan.

46. Al-Wasi' (الواسع) – Maha Luas

Nama al-Wasi' menunjukkan keluasan Allah dari segi ilmu, rahmat, kekuasaan dan pemberian-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, “Al-Wasi’ berasal daripada keluasan. Keluasan itu adakalanya dinisbahkan kepada ilmu apabila ia meluas dan meliputi banyak maklumat dan adakalanya dinisbahkan kepada kebaikan serta limpahan nikmat, bagaimana pun dan kepada apa jua ia dicurahkan. Al-Wasi’ secara mutlak ialah Allah SWT kerana jika dilihat kepada ilmu-Nya, tiada tepi bagi lautan maklumat-Nya, bahkan akan habis segala lautan jika dijadikan tinta bagi kalimat-kalimat-Nya. Jika dilihat pula kepada kebaikan dan nikmat-Nya, maka tiada penghujung bagi apa yang berada dalam kekuasaan-Nya. Setiap keluasan, walau sebesar mana pun, tetap berakhir pada suatu batas dan yang tidak berakhir pada batas itulah yang lebih berhak dinamakan luas. Allah SWT ialah al-Wasi’ secara mutlak.”¹⁴

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa mengetahui.”

(Surah al-Baqarah 2: 115)

Nama al-Wasi’ mendidik manusia agar tidak membataskan rahmat-Nya dan pemberian-Nya Allah dengan sangkaan sempit. Allah sentiasa luas rahmat-Nya dan pemberian-Nya tanpa ada batasnya.

47. Al-Hakim (الحكيم) – Maha Bijaksana

Nama al-Hakim menunjukkan bahawa Allah Maha Bijaksana dalam setiap ciptaan, ketetapan dan hukum-Nya. Tiada sesuatu pun berlaku secara sia-sia atau tanpa tujuan. Semuanya berdasarkan hikmah yang sempurna.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Hakim adalah yang memiliki hikmah. Hikmah ialah mengetahui perkara yang paling mulia dengan ilmu yang paling mulia. Yang paling mulia ialah Allah SWT dan telah disebut sebelum ini bahawa hakikat pengetahuan tentang-Nya tidak diketahui melainkan oleh-Nya sendiri. Maka, Dialah al-Hakim yang sebenar kerana Dia mengetahui perkara yang paling mulia dengan ilmu yang paling mulia, iaitu ilmu azali yang kekal, yang tidak terbayang hilangnya, yang menepati yang diketahui dengan kesesuaian yang tiada padanya kekaburan atau syubhat. Tidak ada yang bersifat demikian melainkan ilmu Allah SWT. Adakalanya disebut ‘hakim’ bagi orang yang mahir dalam hal-hal halus sesuatu pekerjaan, yang menyempurnakan dan menguasai hasil kerjanya, namun kesempurnaan yang sebenar itu juga tidak lain melainkan bagi Allah Taala. Maka Dialah al-Hakim yang sebenar.”*¹⁵

Allah berfirman:

وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: *“Dialah Yang tiada banding-Nya, lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah al-Hashr 59: 24)

Nama al-Hakim mendidik seorang Mukmin agar yakin bahawa setiap takdir mengandungi hikmah walaupun tidak difahami segera.

48. Al-Wadud (الودود) – Maha Mengasihi

Menurut Imam al-Khattabi, al-Wadud mempunyai dua makna. Pertama, Allah SWT adalah yang dicintai dalam hati para wali-Nya kerana apa yang mereka kenali daripada kebaikan-Nya kepada mereka dan banyaknya kurniaan-Nya terhadap mereka. Kedua, Allah mencintai hamba-hamba-Nya yang soleh, dengan makna Dia meredai mereka dan menerima amalan mereka. Dan boleh juga bermaksud Dia menjadikan mereka dicintai oleh makhluk.¹⁶

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Wadud adalah yang mengasihi kebaikan untuk seluruh makhluk, lalu berbuat baik kepada mereka dan memuji mereka. Ia dekat dengan makna ar-Rahim, namun rahmat berkait dengan yang dirahmati, iaitu yang berhajat dan terdesak dan perbuatan ar-Rahim menuntut adanya yang lemah untuk dirahmati. Adapun perbuatan al-Wadud tidak menuntut demikian, bahkan pemberian nikmat sejak awal adalah hasil natijah kasih sayang.”*¹⁷

Allah berfirman:

وَهُوَ الْغَفُورُ الْوَدُودُ

Maksudnya: *“Dan Dialah yang Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih.”*

(Surah al-Buruj 85: 14)

Nama al-Wadud menanam rasa cinta kepada Allah dan menguatkan hubungan kerohanian antara hamba dan Tuhannya Yang Maha Pengasih.

49. Al-Majid (المجيد) – Maha Mulia lagi Terpuji

Nama al-Majid menunjukkan kemuliaan dan keagungan Allah yang sempurna.

Kata Imam al-Ghazali, “*Al-Majid adalah yang mulia zat-Nya, indah perbuatan-Nya dan besar pemberian serta kurniaan-Nya.*”¹⁸

Allah berfirman:

ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيدُ

Maksudnya: “*Tuhan yang mempunyai Arasy yang tinggi kemuliaannya.*”

(Surah al-Buruj 85: 15)

Nama al-Majid menanam rasa hormat dan pengagungan kepada Allah serta mendorong hamba memperbanyakkan lagi pujian kepada-Nya.

SESI KEEMPAT

NAMA-NAMA ALLAH 50 - 55

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 50 hingga 55.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Ba'ith (الباعث) – Maha Membangkitkan
- Asy-Syahid (الشهيد) – Maha Menyaksikan
- Al-Haqq (الحق) – Maha Benar
- Al-Wakil (الوكيل) – Maha Pelindung
- Al-Qawiyy (القوي) – Maha Berkuasa
- Al-Matin (المتين) – Maha Teguh

SESI KEEMPAT: NAMA-NAMA ALLAH 50-55

50. Al-Ba'ith (الْبَاِث) – Maha Membangkitkan

Nama al-Ba'ith menunjukkan bahawa Allahlah Yang membangkitkan makhluk selepas mati untuk dihitung dan dibalas. Kebangkitan ini adalah janji yang pasti dan bukti kekuasaan Allah.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Ba'ith adalah yang membangkitkan makhluk selepas mati, yakni menghidupkan mereka lalu menghimpunkan mereka untuk perhitungan supaya Dia membalas orang yang berbuat buruk dengan apa yang mereka kerjakan dan membalas orang yang berbuat baik dengan balasan yang terbaik.”*¹⁹

Allah berfirman:

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ تُبْعَثُونَ

Maksudnya: *“Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat.”*

(Surah al-Mu'minun: 16)

Nama al-Ba'ith menanam kesedaran bahawa kehidupan dunia bukan penamat dan setiap amal akan dibangkitkan untuk dihisab.

51. Asy-Syahid (الشَّهِيد) – Maha Menyaksikan

Nama asy-Syahid menunjukkan bahawa Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu. Kesaksian Allah meliputi perbuatan, niat dan rahsia hati manusia.

Kata Imam al-Khattabi, *“Asy-Syahid adalah yang tidak tersembunyi daripada-Nya sesuatu pun. ... yakni seolah-olah Dia sentiasa hadir dan menyaksikan, yang tidak terlepas daripada-Nya sesuatu pun.”*²⁰

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Hajj 22: 17)

Nama asy-Syahid mendidik manusia agar sentiasa sedar bahawa setiap amal berada dalam pemerhatian dan kesaksian Allah.

52. Al-Haqq (الحق) – Maha Benar

Nama al-Haqq menunjukkan bahawa Allah adalah kebenaran yang mutlak. Kewujudan-Nya pasti dan tidak bergantung kepada sesuatu, sedangkan segala sesuatu selain-Nya bergantung kepada-Nya. Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Haqq adalah yang tetap dan pasti kewujudan-Nya. Setiap sesuatu yang sah kewujudan dan keadaannya, maka ia disebut sebagai haqq.”*²¹

Imam al-Ghazali menjelaskan, *“Al-Haqq ialah lawan kepada al-batil. Sesuatu itu dikenali melalui lawannya. Setiap yang dikhabarkan itu adalah sama ada ia batil secara mutlak atau benar secara mutlak, atau benar dari satu sudut dan batil dari sudut yang lain. Yang mustahil pada zat-Nya ialah batil secara mutlak, dan yang wajib pada zat-Nya ialah benar secara mutlak.”*²²

Allah berfirman:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّهُ يُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَأَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: *“(Kedua-dua kenyataan) yang tersebut membuktikan bahawa sesungguhnya Allah jualah Tuhan Yang Sebenar-benarnya (yang berhak disembah), dan sesungguhnya Dialah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati, dan Dialah jua Yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Hajj 22: 6)

Nama al-Haqq menanam keyakinan bahawa kebenaran sejati hanya datang daripada Allah dan wahyu-Nya.

53. Al-Wakil (الوكيل) – Maha Pelindung

Nama al-Wakil menunjukkan bahawa Allah ialah Pelindung, Pemelihara dan Pengurus yang paling layak diwakilkan segala urusan. Dia mencukupi bagi hamba-Nya yang bertawakal dan menyerahkan urusannya kepada-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Wakil adalah yang diserahkan kepadanya segala urusan. Namun yang diserahkan kepadanya itu terbahagi kepada dua: Ada yang hanya diserahkan kepadanya sebahagian urusan dan itu tidak sempurna; dan ada yang diserahkan kepadanya seluruh urusan, dan itu hanyalah bagi Allah SWT.*

Yang diserahkan kepadanya itu juga terbahagi kepada dua: Ada yang layak diserahkan kepadanya bukan kerana zatnya tetapi disebabkan oleh pelantikan dan perwakilan, dan ini tidak sempurna kerana ia bergantung kepada pelantikan dan penyerahan daripada pihak lain; dan ada yang layak pada zatnya sendiri untuk segala urusan diserahkan kepadanya, dan hati-hati bertawakal kepadanya tanpa bergantung kepada pelantikan atau penyerahan daripada selainnya dan itulah al-Wakil secara mutlak.

Al-Wakil juga terbahagi kepada yang menunaikan apa yang diamanahkan kepadanya dengan sempurna tanpa kekurangan, dan kepada yang tidak mampu menunaikan semuanya. Al-Wakil secara mutlak adalah yang segala urusan diserahkan kepadanya, dia mampu melaksanakannya, dan menyempurnakannya sepenuhnya, dan itu hanyalah Allah Taala semata-mata.”²³

Allah berfirman:

وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا

Maksudnya: *“Cukuplah Tuhanmu (wahai Muhammad) menjadi Pelindung (bagi mereka).”*

(Surah al-Isra’ 17: 65)

Nama al-Wakil mendidik seorang Mukmin agar bertawakal kepada Allah dengan penuh keyakinan tanpa meninggalkan usaha.

54. Al-Qawiyy (القوي) – Maha Berkuasa

Nama al-Qawiyy menunjukkan bahawa Allah memiliki kekuatan yang mutlak dan sempurna tanpa kelemahan dan tanpa batas. Segala kekuatan makhluk hanyalah terlalu kecil yang dikurniakan oleh Allah, dan semuanya tetap bergantung kepada-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Qawiyy boleh membawa makna al-Qadir (yang berkuasa). Sesiapa yang kuat atas sesuatu, maka dia berkuasa ke atasnya. Maknanya juga adalah yang sempurna kekuatannya, yang tidak dikuasai oleh kelemahan dalam apa jua keadaan. Adapun makhluk, walaupun disifatkan dengan kekuatan, kekuatannya tetap terbatas dan lemah pada sebahagian perkara.”*²⁴

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.”*

(Surah al-Hajj 22: 40)

Nama al-Qawiyy menanam keyakinan bahawa kekuatan hakiki hanyalah ada pada Allah dan Dialah yang memberikan kekuatan kepada hamba-hamba-Nya, yang menjadikan seorang Mukmin itu sudah pasti harus bergantung kepada-Nya dalam setiap keadaan.

55. Al-Matin (المتين) – Maha Teguh

Nama al-Matin menunjukkan bahawa kekuatan Allah adalah kukuh, teguh dan tidak pernah goyah. Jika al-Qawiyy menunjukkan kekuatan, maka al-Matin menekankan kestabilan dan keteguhan kekuatan itu.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Matin adalah yang sangat kuat lagi teguh, yang tidak terputus kekuatan-Nya, dan tidak ditimpa kesukaran dalam perbuatan-Nya serta tidak disentuh oleh keletihan.”*²⁵

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah Dialah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dialah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaan-Nya.”*

(Surah adz-Dzariyat 51: 58)

Nama al-Matin mendidik manusia agar tidak goyah dalam keimanan kerana mereka bergantung kepada Tuhan yang kekuatan-Nya tidak pernah rapuh.

SESI KELIMA

NAMA-NAMA ALLAH 56 - 60

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 56 hingga 60.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Waliyy (الولي) – Maha Memberikan Pertolongan
- Al-Hamid (الحميد) – Maha Terpuji
- Al-Muhsi (المحصي) – Maha Menghitung
- Al-Mubdi' (المبدئ) – Maha Memulai
- Al-Mu'id (المعيد) – Maha Mengembalikan

SESI KELIMA: NAMA-NAMA ALLAH 56-60

56. Al-Waliyy (الولى) – Maha Memberikan Pertolongan

Nama al-Waliyy menunjukkan bahawa Allah adalah Pelindung dan Penolong bagi hamba-hamba-Nya yang beriman. Perlindungan Allah meliputi bimbingan, penjagaan dan pertolongan dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Wali adalah yang mengasihi lagi menolong. ... dan makna pertolongan-Nya jelas kerana Dia menundukkan musuh-musuh agama dan menolong para wali-Nya.”*²⁶

Allah berfirman:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَائُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: “Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka daripada cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

(Surah al-Baqarah 2: 257)

Nama al-Waliyy menanam rasa aman dan keyakinan bahawa Allah sentiasa bersama hamba yang beriman.

57. Al-Hamid (الحميد) – Maha Terpuji

Nama al-Hamid menunjukkan bahawa Allah Maha Terpuji dalam segala keadaan. Dia berhak menerima pujian kerana kesempurnaan-Nya, yang tidak langsung terjejas kesempurnaan-Nya itu sama ada manusia memuji-Nya atau tidak.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Ḥamid adalah yang dipuji lagi dipersanjung. Allah ‘Azzawajalla adalah al-Ḥamid dengan pujian-Nya terhadap diri-Nya sejak azali, dan dengan pujian hamba-hamba-Nya kepada-Nya selama-lamanya. Makna ini kembali kepada sifat-sifat keagungan, ketinggian dan kesempurnaan, yang disebut oleh para penyebut-Nya kerana pujian ialah menyebut sifat-sifat kesempurnaan dari sudut ia sebagai kesempurnaan.”*²⁷

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah Dialah jua yang Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”*

(Surah Luqman 31: 26)

Nama al-Hamid mendidik seorang Mukmin agar sentiasa memuji Allah yang Maha Terpuji secara mutlak tanpa sebarang kekurangan. Kata Imam al-Ghazali lagi, *“Al-Ḥamid dalam kalangan hamba ialah yang terpuji akidahnya, akhlaknya, amalannya dan kata-katanya.”*²⁸

58. Al-Muhsi (المحصى) – Maha Menghitung

Nama al-Muhsi menunjukkan bahawa Allah menghitung segala sesuatu dengan ketelitian yang sempurna. Tidak ada satu pun perbuatan, perkataan atau lintasan hati yang terlepas daripada perhitungannya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Muhsi adalah yang menghitung segala sesuatu dengan ilmu-Nya, tidak terlepas daripada-Nya yang halus mahupun yang besar, dan tiada sesuatu pun yang menyibukkan-Nya daripada yang lain.*

*Dia menghitung segala pergerakan makhluk, nafas-nafas mereka serta apa yang mereka lakukan daripada kebaikan dan apa yang mereka lakukan daripada keburukan.”*²⁹

Allah berfirman:

لِيَعْلَمَ أَنْ قَدْ أَبْلَغُوا رَسُولَهُمْ وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَيْءٍ عَدَدًا

Maksudnya; *“(Tuhan mengadakan malaikat-malaikat itu) supaya Ia mengetahui bahawa sesungguhnya - (dengan jagaan mereka) - Rasul-rasul itu telah menyampaikan keputusan-keputusan Tuhan mereka, (dengan sempurna); padahal Ia memang mengetahui dengan meliputi segala keadaan yang ada pada mereka, serta Ia menghitung tiap-tiap sesuatu: satu persatu.”*

(Surah al-Jinn 72: 28)

Nama al-Muhsi menanam kesedaran bahawa setiap amal akan dihitung secara teliti, lalu mendorong manusia menjaga setiap perbuatan.

59. Al-Mubdi' (المبدئ) – Maha Memulai

Nama al-Mubdi' menunjukkan bahawa Allah Yang memulakan penciptaan tanpa contoh sebelumnya. Segala sesuatu bermula daripada kehendak dan kekuasaan-Nya, tanpa rujukan kepada model atau bahan yang sedia ada.

Kata Imam al-Ghazali, *“Maknanya adalah yang mengadakan (mewujudkan). Namun pengadaan itu, jika tidak didahului oleh sesuatu yang seumpamanya, dinamakan sebagai ibda' (permulaan penciptaan).”*³⁰

Allah berfirman:

إِنَّهُ هُوَ يُبْدِي وَيُعِيدُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Dialah yang menciptakan (sekalian makhluk) pada mulanya, dan yang mengembalikannya (hidup semula sesudah mati).”

(Surah al-Buruj 85: 13)

Nama al-Mubdi' menanam kesedaran bahawa kewujudan manusia adalah anugerah dan kurniaan yang bermula daripada kehendak Allah semata-mata.

60. Al-Mu'id (المعيد) – Maha Mengembalikan

Nama al-Mu'id menunjukkan bahawa Allah mengembalikan makhluk selepas kematian dan juga mengulangi ciptaan menurut kehendak-Nya. Jika al-Mubdi' menunjukkan permulaan, maka al-Mu'id menunjukkan pengulangan dan kebangkitan semula.

Kata Imam al-Ghazali, *“Jika didahului oleh sesuatu yang seumpamanya, dinamakan sebagai i'adah (pengulangan). Allah SWT memulakan penciptaan manusia, kemudian Dia yang mengembalikan mereka, iaitu menghimpunkan mereka. Segala sesuatu bermula daripada-Nya, kepada-Nya ia kembali, dan dengan-Nya ia bermula serta kepada-Nya ia kembali.”*³¹

Allah berfirman:

إِنَّهُ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ

Maksudnya: *“Sesungguhnya Dialah yang menciptakan (sekalian makhluk) pada mulanya, dan yang mengembalikannya (hidup semula sesudah mati).”*

(Surah al-Buruj 85: 13)

Nama al-Mu'id menanam keyakinan bahawa kehidupan dunia bukan pengakhiran dan kebangkitan semula adalah pasti.

SESI KEENAM

NAMA-NAMA ALLAH 61 - 66

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 61 hingga 66.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Muhyi (المحيي) – Maha Menghidupkan
- Al-Mumit (المميت) – Maha Mematikan
- Al-Hayy (الحي) – Maha Hidup
- Al-Qayyum (القيوم) – Maha Berdiri Sendiri
- Al-Wajid (الواجد) – Maha Memperoleh Segala Sesuatu
- Al-Majid (الماجد) – Maha Mulia

SESI KEENAM: NAMA-NAMA ALLAH 61 - 66

61. Al-Muhyi (المحيي) – Maha Menghidupkan

Nama al-Muhyi menunjukkan bahawa Allah adalah Yang menghidupkan makhluk daripada ketiadaan dan menghidupkan semula selepas kematian. Kehidupan yang wujud pada setiap makhluk adalah limpahan kuasa Allah.

Kata Imam al-Khattabi, “Al-Muhyi adalah yang menghidupkan nutfah yang mati, lalu mengeluarkan daripadanya makhluk yang hidup dan menghidupkan jasad yang telah hancur dengan mengembalikan roh kepadanya ketika kebangkitan serta menghidupkan hati dengan cahaya makrifah dan menghidupkan bumi setelah matinya dengan menurunkan hujan serta menumbuhkan rezeki daripadanya.”³²

Allah berfirman:

وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ

Maksudnya: “Dan (ingatlah), Allah yang menghidupkan dan yang mematikan.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 156)

Nama al-Muhyi mendidik manusia agar menyedari bahawa kehidupan adalah amanah daripada Allah SWT.

62. Al-Mumit (المميت) – Maha Mematikan

Nama al-Mumit menunjukkan bahawa Allah adalah Yang mematikan makhluk menurut ketetapan dan hikmah-Nya. Kematian merupakan sebahagian daripada sistem kehidupan yang Allah tetapkan.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Mumit adalah yang mematikan yang hidup dan melemahkan dengan kematian kekuatan orang yang sihat lagi kuat.”*³³

Allah berfirman:

وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ

Maksudnya: *“Dan (ingatlah), Allah yang menghidupkan dan yang mematikan.”*

(Surah Ali ‘Imran 3: 156)

Nama al-Mumit menanam kesedaran tentang kefanaan dunia dan mendorong persiapan menuju akhirat.

63. Al-Hayy (الحي) – Maha Hidup

Nama al-Hayy menunjukkan bahawa Allah Maha Hidup dengan kehidupan yang sempurna, tidak didahului ketiadaan dan tidak diakhiri kebinasaan. Kehidupan Allah tidak bergantung kepada apa pun dan tidak terjejas oleh tidur atau kelemahan.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Hayy sebagai sifat Allah Taala adalah yang sentiasa wujud dan sentiasa bersifat dengan kehidupan; tidak berlaku bagi-Nya kehidupan selepas kematian dan tidak pula menimpa-Nya kematian selepas kehidupan.”*³⁴

Allah berfirman:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Maksudnya: *“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya).”*

(Surah al-Baqarah 2: 255)

Nama al-Hayy menjadi asas bagi banyak nama Allah yang lain kerana sifat kehidupan yang sempurna menjadi dasar kepada ilmu, kuasa dan kehendak-Nya.

64. Al-Qayyum (القيوم) – Maha Berdiri Sendiri

Nama al-Qayyum menunjukkan bahawa Allah berdiri sendiri dan menegakkan segala sesuatu. Dialah yang mengurus, memelihara dan memastikan kelangsungan seluruh makhluk.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Qayyum adalah yang sentiasa berdiri sendiri dan kekal tanpa hilang.”*³⁵

Allah berfirman:

وَعَنْتِ الْوُجُوهُ لِلْحَيِّ الْقَيُّومِ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ ظُلْمًا

Maksudnya: *“Dan segala muka akan tunduk dengan berupa hina kepada Allah Yang Tetap Hidup, lagi Yang Kekal Mentadbirkan makhluk selama-lamanya; dan sesungguhnya telah rugi dan hampalah orang yang menanggung dosa kezaliman.”*

(Surah Taha 20: 111)

Nama al-Qayyum menanam kesedaran bahawa segala yang wujud sementara ini bergantung kepada Allah yang Maha Berdiri Sendiri pada setiap detik dan selama-lamanya.

65. Al-Wajid (الواجد) – Maha Memperoleh Segala Sesuatu

Nama al-Wajid menunjukkan bahawa Allah Maha Memperoleh Segala Sesuatu dan tidak kekurangan sesuatu pun. Dia memiliki segala yang Dia kehendaki dan tidak pernah kehilangan atau memerlukan sesuatu.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Wajid adalah yang Maha Kaya, yang tidak berhajat kepada apa-apa.”*³⁶

Kata Imam al-Ghazali pula, *“Al-Wajid adalah yang tidak kekurangan sesuatu pun, ia lawan kepada yang kehilangan.”*³⁷

Allah berfirman:

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَى

Maksudnya: *“Bukankah dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan?”*

(Surah adh-Dhuha 93: 4)

Nama ini menanam keyakinan bahawa kekayaan hakiki hanyalah milik Allah dan manusia sentiasa berada dalam keadaan berhajat kepada-Nya.

66. Al-Majid (المجيد) – Maha Mulia

Nama al-Majid menunjukkan keluasan kemuliaan dan kebesaran Allah.

Kata Imam al-Ghazali, “*Ita bermakna seperti al-Majid (المجيد), sebagaimana al-‘alim (العالم) bermakna al-‘alim (العليم), namun bentuk fa‘il (فعليل), lebih menunjukkan mubalaghah (penegasan yang lebih kuat). Dan maknanya telah pun dijelaskan sebelum ini.*”³⁸

Nabi SAW bersabda dalam hadis qudsi, Allah menyebutkan:

ذَلِكَ بِأَنِّي جَوَادٌّ مَّاجِدٌ

Maksudnya: “*Itu kerana Aku Maha Pemurah lagi Maha Mulia.*”

(Riwayat Ahmad, no. 21367)³⁹

Nama al-Majid mendidik manusia agar menyedari bahawa segala kemuliaan adalah milik Allah dan tidak layak dibanggakan secara mutlak oleh manusia.

BAHAGIAN C: SENARAI RUJUKAN

Abd al-Razzaq al-Badr, *Fiqh al-Asma' wa al-Husna*.

Abu Abdillah al-Qurtubi, *Al-Asna fi Syarh Asma' Allah al-Husna wa Sifatih*.

Abu Hamid al-Ghazali, *Al-Maqsad al-Asna fi Syarh Ma'ani Asma' al-Husna*.

Abu Sulaiman al-Khattabi, *Sya'n ad-Du'a'*.

Ibn al-Athir, *An-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*.

Muhammad Abdul Fattah Ismail, *Bayan Ma'ani Asma' Allah al-Husna*.

Umar Sulaiman al-Asyqar, *Asma' Allah al-Husna*.

Yusuf al-Qaradawi, *Asma' Allah al-Husna*.